

NUTP akan hantar memo bantah penstrukturan JPN kepada PM

um - 18/3/2007

PULAU PINANG 17 Mac - Memorandum bantahan cadangan penstrukturan semula Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) yang bakal diterajui Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam tempoh dua minggu lagi.

Memorandum yang sama akan turut dihantar kepada Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, yang sebelum ini mengumumkan cadangan itu, dan pihak-pihak bertanggungjawab supaya hasrat melantik PTD itu dikaji semula dengan secepat mungkin.

Menurut presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) yang baru dipilih Anuar Ibrahim, penyerahan memorandum itu bertujuan menggesa kerajaan

khususnya Kementerian Pelajaran menarik balik cadangan tersebut sekali gus mengkaji semula kewajaran penstrukturan itu yang boleh mengugut masa depan lebih 350,000 guru di negara ini.

"Pada dasarnya, NUTP menyahut baik langkah Kementerian Pelajaran untuk melaksanakan penstrukturan semula JPN walaupun masih ada banyak ruang penambahbaikan boleh dilakukan demi memartabatkan profession perguruan.

"Bagaimanapun ia memerlukan semakan terperinci supaya tidak menjejaskan sistem pendidikan negara apabila tidak memberikan peluang kepimpinan yang lebih luas di peringkat JPN itu sendiri kepada guru-guru yang dinaikkan pangkat setiap tahun," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Tambah beliau, peluang menerajui Sektor Perkhidmatan Pengurusan dan Pembangunan di JPN wajar diberi kepada guru-guru berbanding PTD.

Jelasnya, ini memandangkan guru-guru di negara ini juga mempunyai kebolehan dan berkelayakan tinggi di pelbagai bidang sekali gus boleh menjadi pengurus yang baik jika diberikan latihan secukupnya.

"Suara guru, hanya guru sahaja yang dapat memahami dan sebab itu biarlah guru yang berkelayakan menguruskan jabatan dan bukannya PTD.

"NUTP percaya dengan kebolehan dan kemahiran yang ada pada semua PTD masih ada ruang untuk mereka membantu memajukan sektor pendidikan negara tanpa perlu 'masuk' ke JPN," ujarnya.

ANUAR IBRAHIM
PRESIDEN
KESATUAN PERGURUAN
KEBANGSAAN
(NUTP)